

21/02/2000

Mas disaran turunkan kadar tambang

LABUAN, Ahad - Penerbangan Malaysia (MAS) perlu menurunkan kadar tambangnya bagi destinasi dari Kuala Lumpur ke Labuan selain Kota Kinabalu dan Kuching bagi menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke pulau itu.

Ahli Parlimen Labuan, Datuk Suhaili Abdul Rahman berkata, MAS perlu memberi perhatian kepada kedudukan Labuan sebagai pusat pelancongan, pendidikan dan Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC).

Beliau berkata ini selaras hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadikan Labuan destinasi pelancongan menarik untuk dikunjungi pelancong tempatan dan luar negara.

Menurutnya, dengan penurunan kadar tambang itu sudah pasti lebih ramai peniaga, pelancong dan orang ramai berkunjung ke kedua-dua destinasi itu.

Sehubungan itu, katanya, beliau akan menemui Pengerusi MAS, Tan Sri Tajudin Ramli bagi membincang perkara berkenaan sesuai dengan hasrat kerajaan menggalakkan rakyat melancong dalam negeri.

"MAS wajar mengambil kira Labuan dan tidak hanya menumpukan perhatian kepada sektor Kota Kinabalu dan Kuching," katanya kepada pemberita pada majlis sambutan Chap Goh Meh di Kampung Sungai Keling di sini semalam.

Turut hadir Ketua MCA Labuan, Roger Chua dan Ketua Pemuda MCA Labuan, Peter Kong.

Suhaili mengulas mengenai cadangan MAS menurunkan kadar tambang destinasi Kuala Lumpur - Kota Kinabalu dan Kuching bermula 28 Februari ini.

Katanya, dengan kemudahan asas yang mencukupi serta memiliki tempat sejarah menarik, Labuan boleh dijadikan destinasi pelancongan utama.

Kemudahan tempat penginapan yang banyak, sistem pengangkutan yang baik serta harga barangan yang berpatutan, pastinya Labuan mampu menjadi destinasi pelancongan yang baik.

(END)